## JABATAN KERAJAAN TEMPATAN

## KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

## (NO. TENDER: X4352010125001)

## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)/Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah ( PUKONSA)/ Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Negeri Sarawak (UPKJ) dalam gred/Kelas, kategori/tajuk/kepala dan pengkhususan/ tajuk kecil/ subkepala yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :

| PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN | TAJUK PROJEK | TARAF/ JENIS SYARIKAT | KELAYAKAN | TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL | HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA | TEMPAT, TARIKH DAN MASA TENDER DITUTUP |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan | **MENYIAPKAN BAKI KERJA BAGI PEMBANGUNAN PEKAN SENTRAL, PEKAN, PAHANG** | Terbuka dikalangan kontraktor penyiap yang diberikan Sijil Kontraktor Penyiap oleh Kementerian Kerja Raya (KKR)<br><br>T1 | i) Mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap oleh Kementerian Kerja Raya (KKR)<br><br>ii) Sijil Taraf Bumiputera (STB)<br><br>iii) Mempunyai PPK dan SPKK yang sah dengan **CIDB** dalam:<br><br>Gred: **G7**<br><br>Kategori: **B & CE**<br><br>Pengkhususan : **B02,B04,CE21**<br><br>**ATAU**<br><br>Mempunyai PPK Gred G7 yang sah dengan CIDB dan berdaftar dengan **PUKONSA** dalam : | **Seksyen Kewangan dan Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Kerajaan Tempatan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Aras 29, No. 51, Persiaran Perdana Presint 4, 62100 Putrajaya**<br><br>**15 Mei 2025**<br><br>**(Khamis)** | RM 500.00<br><br>(Tidak akan dikembalikan)<br><br>**AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA - KPKT - T** | **Bahagian Perunding Kejuruteraan Kesihatan Umum, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Aras 26, No. 51, Persiaran Perdana Presint 4, 62100 Putrajaya**<br><br>**4 Jun 2025 (Rabu)**<br><br>**12.00 Tengah Hari** |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Kelas : **A**<br>Tajuk : **I & II**<br>Tajuk Kecil :1 & 2(a),5<br>ATAU<br>Mempunyai PPK Gred G7 yang sah dengan CIDB dan berdaftar dengan UPKJ dalam :<br>Kelas : **A**<br>Kepala : **I & II**<br>Sub kepala : **1 & 1(c), 2(a)** | **Hingga**<br>**23 Mei 2025**<br>**(Jumaat)** | | |

**TAKLIMAT TENDER DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN.**

**HANYA PENAMA DI DALAM SIJIL CIDB/PUKONSA/UPKJ SAHAJA YANG DIBENARKAN MENYERTAI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK.**

**TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT TENDER DI DEWAN SERI INDERAPURA, KOMPLEKS SUKAN SULTAN HAJI AHMAD SHAH, 26600 PEKAN, PAHANG**

**PADA 9 MEI 2025 (JUMAAT) JAM 09.00 PAGI.**

1. Tender ini mensyaratkan bahawa hanya Penama yang tercatat di dalam Sijil PPK dan SPKK/PUKONSA/UPKJ sahaja yang dibenarkan untuk menyertai Taklimat Projek dan Lawatan Tapak. Sila bawa bersama salinan sijil (PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ dan STB semasa lawatan tersebut. Tempoh Sah laku sijil-sijil tersebut hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tutup tender.
2. Bayaran hendaklah dibuat **tanpa tunai** semasa pembelian dokumen tender. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai, cek, draf bank, kiriman wang atau wang pos tidak akan diterima.
3. Dokumen tender boleh dikemukakan secara serahan tangan/kurier dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang disediakan di dalam Arahan Kepada Petender.

## 1. PEMBELIAN DOKUMEN TENDER

i. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/ sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh CIDB serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh PPK berserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA dan UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor. Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera.

ii. Wakil kontraktor yang sah juga diwajibkan membawa borang pengesahan kehadiran taklimat dan Lawatan Tapak yang telah ditandatangani oleh pegawai dari Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT (akan diberi selepas lawatan tapak). Sila bawa cop syarikat beralamat penuh untuk memudahkan urusan pembelian dokumen.

**PROJEK : MENYIAPKAN BAKI KERJA BAGI PEMBANGUNAN PEKAN SENTRAL, PEKAN, PAHANG**

**NO. TENDER : X4352010125001**

**iii.** Bayaran hendaklah dibuat tanpa tunai semasa pembelian dokumen tender. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai, cek, draf bank, kiriman wang atau wang pos **tidak akan diterima.**

iv. Kaedah tanpa tunai adalah melalui **Pemindahan Dana Elektronik (EFT)** iaitu melalui kaedah **DuitNow** Sahaja. Transaksi melalui kaedah **'Inter Bank Giro (IBG)'** adalah dilarang. Hal ini demikian kerana pindahan Transaksi DuitNow diproses secara masa nyata (*real-time*). Pihak Kerajaan akan menerima wang dengan serta-merta, manakala IBG mengambil masa sehingga satu hari bekerja.

v. Dokumen Tender boleh diperolehi di Seksyen Kewangan dan Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Aras 29, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya setelah bayaran dibuat dan disahkan oleh pejabat Kewangan bermula **15 Mei 2025 (khamis)** sehingga **23 Mei 2025 (Jumaat)** semasa waktu pejabat sahaja.

vi. Dokumen Meja Tender boleh disemak di Seksyen Kewangan dan Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Aras 29, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya mulai **15 Mei 2025 (khamis)** sehingga **23 Mei 2025 (Jumaat)** semasa waktu pejabat sahaja seperti berikut :

| LOKASI PEJABAT | WAKTU PERKHIDMATAN KAUNTER<br>(ISNIN HINGGA KHAMIS) | WAKTU REHAT/SOLAT JUMAAT |
|---|---|---|
| SEMENANJUNG | 9.00 PAGI – 12.30 PETANG<br>2.30 PETANG – 3.30 PETANG | 12.15 TENGAH HARI – 2.45 PETANG |

## 2. PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER

i. Dokumen tender yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Tender di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Bahagian Perunding Kejuruteraan Kesihatan Umum, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan, Aras 26, No 51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100, Putrajaya, pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 4 Jun 2025 (Rabu).**

ii. Jika dokumen tender dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Petebder hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen tender yang dihantar melalui pos. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.

**PROJEK : MENYIAPKAN BAKI KERJA BAGI PEMBANGUNAN PEKAN SENTRAL, PEKAN, PAHANG**

**NO. TENDER : X4352010125001**

iii. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari portal rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan di alamat **www.jkt.kpkt.gov.my** dan laman web rasmi Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan di alamat www.kpkt.gov.my serta web myprocurement di alamat www.myprocurement.treasury.gov.my . Jika terdapat sebarang pertanyaan boleh diajukan ke alamat emel nurulaini@kpkt.gov.my

**3. *JENIS PENDAFTARAN SYARIKAT :**

i. T1 – syarikat 100% milik tempatan

**(MOHAMED YAZID BIN KUMAN)**
PENGARAH
BAHAGIAN PERUNDING KEJURUTERAAN KESIHATAN UMUM,
JABATAN KERAJAAN TEMPATAN

Tarikh : 30/04/2025